

09 JUL 2002

Syed Hamid-Amerika/I

AMERIKA FAHAMI PERALIHAN KUASA POLITIK DI MALAYSIA, KATA SYED HAMID

PUTRAJAYA, 9 Julai (Bernama) -- Kerajaan Amerika Syarikat memahami peralihan kuasa di Malaysia dan yakin ia tidak akan menimbulkan ketidaktentuan bagi kedua-dua negara dalam meningkatkan hubungan dan kerjasama dua hala di pelbagai bidang, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata para pemimpin Amerika Syarikat telah diberi jaminan yang peralihan kuasa akan berjalan dengan lancar apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara pada Oktober depan.

"Saya telah memberi jaminan kepada beliau yang peralihan kuasa (di Malaysia) adalah mengikut tradisi, hierarki dan soal pemimpin pengganti semuanya diselesaikan secara persahabatan.

"Tidak harus timbul apa-apa masalah dalam peralihan Perdana Menteri dan juga pemimpin nombor dua (timbangan perdana menteri) dan Malaysia akan sentiasa berbalik ke struktur dan tradisi parti, yang akan memastikan keharmonian berterusan apabila pemimpin-pemimpin baru mengambil alih," kata beliau kepada pemberita selepas menerima kunjungan Pengarah Kanan Hal Ehwat Asia di Majlis Keselamatan Amerika, James Moriarty di pejabatnya di sini, hari ini.

Syed Hamid berkata demikian apabila ditanya mengenai isu-isu yang dibincangkan bersama Moriarty yang juga merupakan Penolong Khas Hal Ehwat Asia kepada Presiden Amerika Syarikat George W. Bush, semasa pertemuan lebih sejam itu.

Moriarty yang tiba di sini semalam berada dalam rangka lawatan ke negara-negara Asean dan Malaysia merupakan tempat persinggahan pertama bagi beliau. Selepas ini beliau akan melawat Thailand dan Singapura.

Syed Hamid berkata mereka juga bertukar pandangan mengenai isu-isu antarabangsa dan serantau seperti kestabilan, kerjasama dalam memerangi keganasan dan isu-isu kepentingan bersama yang lain.

Beliau berkata Moriarty telah menyatakan rasa puas hati kerajaan Amerika Syarikat dan kegembiraan beliau terhadap lawatan Dr Mahathir ke Washington pada Mei, di mana kedua-dua negara telah memeterai satu perisytiharan yang menyediakan rangka kerja bagi kerjasama dalam memerangi keganasan antarabangsa.

"Mereka melihatnya sebagai usaha dua hala yang sangat konstruktif untuk bekerjasama bagi menangani keganasan antarabangsa secara berkesan dan penuh bermakna dan mereka juga menyatakan rasa puas hati dengan pelbagai langkah yang diambil oleh Malaysia dalam memerangi keganasan," kata beliau.

Syed Hamid berkata beliau juga membangkitkan isu Palestin yang perlu diselesaikan dan Amerika perlu memainkan peranannya dalam menyelesaikan konflik itu dan mencapai penyelesaian politik di Asia Barat.

Mengenai hubungan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat, Syed Hamid berkata kedua-dua negara kini menikmati hubungan yang lebih akrab dan kerjasama lebih baik dalam pelbagai bidang bukan sahaja dalam perdagangan dan tetapi juga dalam politik, penguatkuasaan undang-undang dan kawalselia serta latihan.

"Malaysia dan Amerika mempunyai banyak aktiviti yang dilakukan secara bersama dan dikaitkan dengan kerjasama dua hala. Ia telah membolehkan kita (Malaysia) untuk menyampaikan pandangan dan pendapat kita tentang isu-isu yang berkaitan kepentingan bersama dan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata interaksi antara Malaysia dan Amerika Syarikat semakin baik selepas pertukaran lawatan pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua negara

itu.

"Saya rasa interaksi seperti ini jelas sekarang ini dengan lawatan pegawai-pegawai tinggi Amerika... yang pertama James Kelly, Penolong Setiausaha Negara bagi Asia dan Hal Ehwal Pasifik, kemudian Dr Mahathir melawat Amerika dan hari ini Moriarty (datang melawat Malaysia)," katanya.

Semasa semua lawatan itu isu utama yang dibincangkan ialah untuk mempertingkatkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat dan menentukan bentuk sumbangan yang Malaysia boleh hulurkan untuk mewujudkan satu rantau yang aman dan stabil, kata beliau.

Syed Hamid berkata Setiausaha Negara Amerika Colin Powell dijadual melawat Malaysia hujung bulan ini, sebelum menghadiri Forum Serantau Asean di Brunei pada 31 Julai.

"Dia akan buat lawatan rasmi ke beberapa negara Asean dan kita sedang cuba memuktamadkan lawatan itu dan Malaysia tiada halangan untuk beliau membuat lawatan rasmi ke negara ini," katanya.

-- BERNAMA

HS AZZ PR